

BAB DUA

TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN

2.0 Pendahuluan

Bab ini akan mengemukakan beberapa kajian yang lalu berkaitan dengan tajuk kajian ini. Tinjauan pertama yang berkaitan ialah perbezaan definisi pembangunan insan di kalangan sarjana Islam dan Barat serta aspek-aspek yang menjadi penekanan pembangunan insan tersebut. Tinjauan berikutnya pula ialah sekitar riwayat hidup Al-Imām Al-Nawawi, iaitu pengarang kepada kitab yang menjadi tumpuan kajian ini. Tinjauan ini sedikit sebanyak bagi membantu memahami kehendak beliau dalam usaha membangunkan insan dan melihat ketokohnya dalam usaha tersebut. Tinjauan yang terakhir pula berkaitan dengan pandangan ulama-ulama sezaman dan terkemudian terhadap Al-Imām Al-Nawawi dan karangan beliau Kitāb Riyād al-Šolihīn.

2.1 Definisi pembangunan insan dan pengkajiannya

Perbahasan mengenai pembangunan insan amat penting diketahui kerana hanya insan yang telah dibangunkan sehaja mempunyai potensi yang mampu memberi kesan merubah sejarah. Ebi Sharin Suleiman (1999: 29) telah menyatakan peri pentingnya faktor insan sebagai berikut, "*The most exciting breakthrough of the 21st century will occur not because of technology but because of an expanding concept of what it means to be human.*" Kepentingan persoalan mengenai insan ini menurut beliau mengatas persoalan teknologi yang terkini. Ini kerana insan yang mencipta teknologi itulah yang akan menentukan segala-galanya. Insanlah yang akan menguruskan teknologi, sumber alam dan kekayaan. Pembangunan insan ini merupakan satu aspek yang paling kritikal kerana penyalahgunaan sumber alam atau teknologi adalah berpunca daripada

kepincangan pemikiran, nilai dan etika insan itu sendiri. Kenyataan ini disokong pula oleh Aidit Ghazali (1990: 23) yang menegaskan bahawa fokus utama sebarang usaha pembangunan dan intipati proses pembangunan tidak lain adalah manusia itu sendiri.

Namun begitu, industrialisasi yang memajukan masyarakat barat telah membawa mereka kepada memperkotakkan bidang-bidang kemajuan dan pembangunan insan sehingga tidak ada lagi kesepaduan ilmu dalam pembangunan insan. Keadaan ini ditambah dengan pemisahan agama dan kerohanian di dalam pembangunan tersebut. Akibatnya, pandangan tentang pembangunan tidak dilihat secara menyeluruh tetapi pembangunan dilihat mengikut kepakaran sarjana (Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda, 1988).

Sebagai contoh pembangunan insan dari pandangan Marx, Weber dan Maslow. Bagi Marx dan Weber yang merupakan pakar ekonomi dan sosiologi melihat pembangunan insan dianggap sebagai perkembangan perjuangan antara kelas sosial ekonomi yang menjadi tunjang dalam menentukan pembentukan dan perkembangan struktur sosial masyarakat manusia (Fink, 1992). Hal ini juga diperakukan oleh Weber salah seorang pakar sosiologi, tetapi beliau menambah bahawa selain status ekonomi, kuasa dan agama juga memainkan peranan dalam perkembangan pembangunan setiap insan (Roucek & Warren, 1986). Manakala Abraham Maslow seorang pakar psikologi membahagikan pembangunan insan kepada beberapa peringkat keperluan insan. Peringkat paling atas ialah peringkat keperluan fizikal kemudian diikuti oleh peringkat psikologi dan akhirnya peringkat kesempurnaan seseorang. Untuk membangunkan peringkat psikologi, individu perlu membangunkan peringkat fizikal terlebih dahulu. Begitu juga untuk membangunkan peringkat penyempurnaan kendiri, insan perlu telah membangunkan peringkat fizikal dan psikologi (Zanden, 1993). Fadillah Mansor (1997) pula memberikan definisi pembangunan insan sebagai proses yang termasuk pengurusan

syarikat dan pendidikan kepada kakitangan dan penyelia. Tegasnya kemajuan dalam tugas akan terhasil disebabkan oleh perubahan yang berlaku kepada individu dan persekitarannya.

Satu penyelidikan yang dikendalikan oleh Ayesha Dias (2000: Internet) di bawah penyelidikan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah menyimpulkan pembangunan insan atau manusia hanya diukur dalam peningkatan pembangunan beberapa aspek iaitu, aspek pembangunan sosial seperti kekurangan kemiskinan, populasi yang dinamik, pendidikan, kesihatan dan perumahan. Kedua, aspek pembangunan ekonomi seperti Keluaran Negara Kasar, perubahan penggunaan barang, dan penggunaan transaksi berteknologi. Ketiga, aspek pembangunan persekitaran yang merangkumi sumber air bersih iaitu lautan dan sungai, penggunaan dan pengurusan tanah, kepelbagaian dalam biologi, bioteknologi, pertanian serta sistem pembuangan yang cekap seperti pembuangan bahan toksid, bahan kimia, bahan merbahaya dan radioaktif. Yang terakhir ialah aspek pembangunan institusi seperti integrasi persekitaran dan peningkatan dalam membuat keputusan, institusi yang saintifik, institusi yang berdaftar dan kapasiti bangunan.

Jelaslah, kebanyakan sarjana barat hanya melihat pembangunan insan dari aspek yang khusus dan hanya yang menyentuh kepada pembangunan material sahaja. Jarang mereka melihat kepada aspek yang menyeluruh dan yang menyentuh kepada pembangunan kerohanian sebagaimana penghuraian pembangunan di atas. Hal ini terjadi kesan daripada sekularisasi yang dijalankan oleh barat dalam semua aspek kehidupan yang memisahkan unsur rohani dengan segala urusan keduniaan mereka (Hussin Salamon, 1999: 2).

Berbeza dengan sarjana barat, sarjana Islam telah sepakat melihat aspek pembangunan insan terangkum di dalamnya semua aspek kehidupan insan lebih-lebih lagi dari aspek kerohanian. Syed Naquib Al-Attas (1977: 75-76) memberikan definisi pembangunan insan seperti berikut,

“Pembangunan, kemajuan dan kesempurnaan, apabila dikenakan terhadap kehidupan dan peranan dan nasib insan ditilik di sisi pandangan Islam, haruslah bersabit pada akhirnya kepada sifat rohani diri insan yang menjadi dirinya yang hakiki jua. Jikalau tiada demikian iaitu jikalau maksud pembangunan dan kemajuan, dan evolusi ke arah kesempurnaan, dan kesempurnaan itu sendiri tiada merujuk kepada diri rohani, dan kepada daya kuasa kelakuannya menuju ke arah pencapaian kemurnian asali, maka bagi Islam bukanlah pembangunan itu benar-benar pembangunan dan bukanlah kemajuan itu benar-benar kemajuan dan bukanlah perubahan ke arah kesempurnaan itu benar-benar perubahan ke arah kesempurnaan, dan bukanlah kesempurnaan itu benar-benar kesempurnaan, kerana faham-faham ini semua hanya merujuk kepada sifat jasmani diri hayawani insan belaka dan tiada mengandungi erti yang sebenarnya yang dapat memberi makna yang sah melainkan apabila faham-faham ini semua menyabitkan maksud tujuannya kepada diri rohani jua. Perubahan, pembangunan, dan kemajuan menurut pandangan Islam, merujuk kepada pengembalian kepada keadaan Islam sejati yang diusul serta dicarakan oleh junjungan kita Muhammad s.a.w dan yang dituturi oleh para sahabatnya yang Mulia dan para tābi‘īn dan para pengikut tābi‘īn r.a dan yang dianut serta diamalkan oleh para mu‘minin dan muslimin selepas mereka hingga kini sehingga ke akhir zaman.”

Kenyataan beliau memberi maksud bahawa semua kemajuan insan yang dibangunkan tanpa pembangunan rohani dari pandangan Islam tidak dianggap sebagai sebenar-benar pembangunan insan tetapi hanya boleh dirujuk sebagai pembangunan yang hanya bertujuan untuk memenuhi keperluan kehawanan. Pembangunan insan hanya berlaku apabila setiap pembangunan yang dilakukan mestilah membangunkan rohani iaitu dengan sentiasa kembali kepada agama Islam yang sejati sebagaimana yang dibawa oleh baginda Rasulullah s.a.w.

Maksud pembangunan insan ini juga disokong oleh Tengku Azzman Shariffadeen yang menjelaskan bahawa pembangunan insan yang dimaksudkan dalam

Islam ialah pemindahan atau peralihan manusia menuju ke arah norma amalan dan kelakuan yang nilai-nilainya terkandung dalam ajaran Islam dan bagi mereka kebaikan di dunia dan akhirat (Fakhriatun Omar, 1997).

Selain itu Aidit Ghazali (1990: 23) telah menjelaskan pembangunan insan dari perspektif Islam seperti berikut,

"...Any development process must begin with the moral, spiritual, physical and environmental development of man who will be the agent of his own physical and socio-economic environment. Man is the active agent of change and it is he himself who will be responsible for making his life in this world and the hereafter, either a success or a failure."

Kesimpulan yang boleh dibuat ialah, bahawa kejayaan dan kegagalan insan di dunia dan di akhirat adalah bergantung sangat dengan pembangunan moral, rohani, fizikal, ekonomi dan persekitaran insan itu sendiri. Kejayaan dalam kedua-dua alam sudah tentu berpaksi kepada pembangunan rohani kemudian barulah diikuti pula oleh lain-lain pembangunan.

Kenyataan ini disokong oleh Mansor Ahmad Samad (1993) dan Abu Al-Hasan Muhamad Sadeq (1992). Mansor Ahmad Samad (1993: 22-23) menyatakan,

"..We can, therefor, define development as the process of unfolding and growth of the spiritual seed of humanity, wrapped within the heart of man, opening and exposing itself to the climate divine, for it to grow gradually fuller and better within the context of the greater universe.

Thus, development in the context – although it does not deny nor negate the physical and the material – stresses on matters metaphysical and spiritual. Insofar as the physical and the material are necessary and advantageous to the development spiritual, this view assumes and accepts material development as the significant other in the processes of achieving the spiritual end."

Manakala Abu Al-Hasan Muhamad Sadeq (1990: 4) pula menulis,

"a multi-dimensional process which involves improvement of welfare through advancement reorganization and reorientation of entire economic and social system, and through spiritual upliftment in accordance with Islamic teachings."

Kedua-dua definisi jelas memperlihatkan bahawa pembangunan insan mestilah merangkumi aspek material dan kerohanian. Walau bagaimanapun, aspek material mestilah dihasilkan melalui wadah kerohanian itu sendiri agar pembangunan material akan membangun dengan betul. Ini menggambarkan bahawa pembangunan rohani menjadi asas kepada pembangunan-pembangunan aspek yang lain.

Berdasarkan kefahaman pembangunan insan seperti yang dibentangkan oleh pengkaji di atas, pengkaji mendapati bahawa reformasi pendidikan pada lewat tahun 1980an oleh Anwar Ibrahim yang merupakan Menteri Pendidikan pada ketika itu juga memberi penekanan kepada pembangunan insan yang seimbang antara rohani dan yang lainnya (Ebi Shahrin Suleiman, 1999: 29). Buat pertama kali falsafah pendidikan negara telah dinyatakan sebagai,

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”

(Zawawi Hj. Ahmad, 1996: 180)

Falsafah Pendidikan ini memberikan kita gambaran bahawa pembangunan insan yang hendak dibangunkan kepada rakyat adalah meliputi semua aspek yang seimbang dari segi intelak, rohani, emosi dan jasmani. yang menariknya semua pembangunan ini berteraskan kepada ketuhanan atau dengan perkataan lain sebagai kerohanian selaku panduan kepada semua pembangunan tersebut.

Dalam membincangkan aspek pembangunan insan itu sendiri, ramai sarjana Islam telah memberikan penekanan yang berbeza kepada bidang-bidang pembangunan insan dan pembahagiannya. M. Syukri Salleh (1992: 89), menyatakan bahawa aspek

pembangunan insan itu adalah hasil daripada integrasi hubungan dengan Allah S.W.T dan hubungan dengan manusia atau sebagai kelakuan atau perbuatan ketaatan dan penyembahan hamba kepada Tuhan.

Manakala Hussin Salamon (1999: 4-5) melihat aspek pembangunan di dalam empat aspek iaitu dalam bentuk pembangunan material dan spiritual, pembangunan bersepadu dunia dan akhirat, pembangunan hubungan dengan Tuhan dan hubungan dengan sesama manusia, serta pembangunan pengislahan nafsu dan benteng daripada syaitan.

Begitu juga dengan Zainah Mohd. Nor (1990) telah membincangkan dengan mendalam aspek pembangunan insan dalam tiga dimensi iaitu, pembangunan menegak yang merujuk kepada pembangunan insan kepada Allah S.W.T, pembangunan mendatar yang merujuk pembangunan insan antara sesama insan yang terangkum di dalamnya bidang ekonomi, sosial akhlak dan politik serta pembangunan insan mendalam yang merujuk kepada pembangunan hati, akal, roh dan nafsu.

Al-Imām Al-Ghazālī (1994) melihat pembangunan insan merangkumi aspek-aspek berikut iaitu pengetahuan agama, akidah, ibadah, penghayatan Al-Quran, adab kehidupan, kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak dan budi pekerti, dan pembangunan jiwa dan hati.

Begitu juga dengan Badir Muhammad Badir (1992) melihat proses pembangunan insan berlaku sejak sebelum kelahiran bayi lagi iaitu melalui pemilihan pasangan hidup sehingga saat kematian. Beliau telah membahaskan pembangunan dalam enam peringkat kehidupan manusia iaitu pembangunan kanak-kanak sebelum kelahiran, pembangunan kanak-kanak ketika lahir diikuti pembangunan selepas kelahiran, pembangunan ketika remaja, pembangunan ketika kematian dan akhirnya pembangunan selepas kematian.

Bagi Al-Imām Al-Nawawi pula, beliau melihat pembangunan insan terangkum dalam lapan aspek yang utama. Aspek yang beliau bincangkan adalah terdiri daripada aspek pembangunan akhlak kepada Tuhan, pembangunan akhlak sesama insan, pembangunan sosial, pembangunan adab kehidupan, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan pengetahuan batasan agama.

Hasil penulisan yang dipaparkan di atas menunjukkan terdapat dua pandangan pembangunan insan. Kebanyakkan sarjana Barat melihat pembangunan dari aspek material, manakala sarjana Islam pula menekankan pembangunan insan dari aspek kerohanian dan material. Bagi sarjana Islam semua aspek pembangunan insan perlu berpaksikan kepada pembangunan kerohanian. Dalam kajian ini, pengkaji cuba melihat aspek-aspek pembangunan insan berdasarkan metodologi Al-Imām Al-Nawawi di dalam Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn. Pemilihan Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn sebagai teks kajian adalah kerana kitab ini merangkumi pelbagai aspek pembangunan insan yang dihuraikan oleh Al-Imām Al-Nawawi.

2.2 Riwayat Hidup Al-Imām Al-Nawawi

Adalah dianggap tidak sempurna mempelajari dan memperhalusi sesuatu kajian teks tanpa mengetahui riwayat hidup sarjana yang menyusun teks tersebut. Pengetahuan tentang riwayat hidup seseorang sarjana dapat membantu pengkaji memahami dengan lebih baik dan mendalam teks yang dikaji.

2.2.1 Nama dan keturunan beliau

Nama sebenar beliau ialah Abu Zakariyya Yahyā ibn Al-Sheikh Al-Zāhid Al-Waliullah Abī Yahyā Sharaf ibn Muri ibn Hasan Ibn Husīn ibn Muhamad ibn Jumaat ibn Hazam Al-Hazami. Gelaran Al-Nawawi diambil daripada perkataan ‘Nawā’ iaitu

sebuah desa di Bandar Hawrān yang terletak berhampiran dengan wilayah Damsyiq, sekarang ini dikenali sebagai Palestin (Ibnu Al-^cAtar, 1991: 21-22; Ibnu Al-Subki, 1964: 396/8; Al-Nawawi, 1994: 47).

2.2.2 Kehidupan Al-Imām Al-Nawawi

Beliau dilahirkan pada 10 hari kedua bulan Muharam tahun 631H bersamaan 1233M (Ibnu Al-^cAtar, 1991: 23; Al-Nawawi, 1983: 12). Semasa kecilnya beliau mendapat pendidikan awal di Nawā (Ibnu Al-^cAtar, 1991: 23) dan berjaya mengkhatamkan Al-Quran secara hafalan semasa umurnya hampir baligh (Al-Suyuti, t.t.: 54).

Semasa remajanya iaitu ketika berumur 19 tahun, beliau telah dibawa oleh bapanya ke kota Damsyiq pada tahun 649H, lalu ditempatkan di pusat pengajian ‘al-Rawwahiyyah’ yang termashur di Damsyiq yang terletak di sebelah Timur masjid Ibn ‘Urwah. Masjid ini merupakan tempat beliau mula mendalamai pelbagai bidang ilmu seperti; hadith, fiqh, uṣūluddin, bahasa Arab dan lain-lain (Al-Suyuti, t.t.: 55). Di pusat pengajian ini juga beliau telah menghafaz kitab al-Tanbih dalam masa empat bulan dan seperempat kitab al-Muhadhdhab karangan Al-Shirāzī yang merangkumi ilmu fiqh (Hasan Hj. Al-Nawawi, 1990: 8).

Beliau adalah seorang yang sangat teliti dalam menggunakan masanya. Beliau menumpukan usaha-usaha pembelajaran pada siang hari, manakala melakukan amal ibadat dan penulisan pada malam hari. Di dalam aspek pembelajaran, beliau telah membahagikan masa bersama-sama guru-gurunya setiap hari kepada dua belas masa pengajian. Dua bahagian masa diperuntukkan untuk mempelajari Kitāb al-Wasiṭ (كتاب وصيٰت) karangan Al-Imām Al-Ghazālī. Manakala, setiap satu masa selebihnya diperuntukkan untuk mempelajari Kitab al-Muhadhdhab (كتاب محدث) karangan Al-Shirāzī, Kitāb al-Jam‘u

Baina al-Sahihain (الجمع بين الصحيحين) karangan Al-Hamidi, Kitāb al-Lūmā (اللُّومَة) karangan Ibn Jinnī, Kitāb Islāḥ al-Mantiq (إصلاح المنطق) karangan Ibn Al-Sakīt, ilmu al-tasrif (علم التصريف),⁶ Ilmu Usūl al-Fiqh (علم أصول الفقه) atau Kitab al-Lūmā karangan Al-Shīrāzī atau Kitab al-Muntakhāb (المختَبَر) karangan Fakhr Al-Dīn, Asmā' al-Rijāl (أسماء الرجال) dan ilmu Usūl al-Dīn (أصول الدين) (Al-Nawawi, 1983: 9).

Semasa beliau menimba ilmu pengetahuan di Damsyiq, beliau tidak pernah membuang masa sedikit pun sama ada pada waktu siang atau malam, sehingga semasa bermusafir sekalipun. Diceritakan bahawa, beliau telah mengambil masa selama enam tahun menimba ilmu pengetahuan dari guru-gurunya di Damsyiq, kemudian barulah beliau memulakan penulisannya (Ibnu Al-Atar, 1991: 42). Beliau mengerjakan ibadah haji sebanyak dua kali (Al-Suyūtī, t.t.: 55).

Di akhir hayatnya Al-Imām Al-Nawawi telah memulangkan kesemua kitab yang dipinjamnya. Kemudian beliau menziarahi kubur guru-gurunya dengan membacakan Al-Quran dan berdoa sambil menangis. Setelah itu, beliau menziarahi sahabat-sahabatnya yang masih hidup dan mengucapkan selamat tinggal. Selepas menziarahi bapanya, beliau menziarahi Bait al-Maqdis dan kemudian pulang ke kampung asalnya di Nawa. Di sana beliau jatuh sakit beberapa hari yang seterusnya meninggal dunia pada malam Rabu 24 haribulan Rejab, 676H (Al-Nawawi 1983: 13) atau malam Rabu 14 haribulan Rejab, 676H. Beliau dikebumikan di tanah perkuburan kampungnya. Kuburnya sentiasa diziarahi oleh orang ramai (Al-Suyuti, t.t.: 75).

Kesimpulannya kita mendapati bahawa Al-Imām Al-Nawawi membesar dengan suasana pendidikan yang baik ditambah lagi dengan kesungguhan beliau dalam menimba ilmu pengetahuan menjadikan beliau seorang tokoh ilmuan Islam yang begitu dihormati di dalam dunia Islam.

2.2.3 Perwatakan Al-Imām Al-Nawawi

2.2.3.1 Ibadatnya

Al-Imām Al-Nawawi adalah seorang yang kuat beribadat, banyak berzikir dan membaca Al-Quran, berpuasa sepanjang tahun dan banyak berjaga di malam hari untuk beribadat serta mengarang (Abd. Ghani Al-Daqr, 1980: 185-188).

2.2.3.2 Zuhud dan waraknya

Beliau adalah seorang yang zahid, bertakwa, serta sangat warak dalam makan minum dan pemakaianya (Al-Nawawi, 1983: 9). Makanannya ialah roti yang kasar dengan berkuahkan cuka. Beliau enggan makan buah mentimun kerana ditakuti lemah badannya dan suka tidur (Ibnu Al-‘Atar, 1991: 44). Beliau tidak makan buah-buahan yang terdapat di kota Damsyiq kerana ditakuti syubhatnya. Kadar makan dan minum beliau amat sedikit iaitu hanya makan sekali sahaja selepas Isyak dan minum sekali pada waktu masa sahur (Ibnu Al-‘Atar, 1991:44). Kewarakannya juga mendorong beliau makan makanan dari pusat pengajiannya dan yang diberikan oleh kedua ibu bapanya di negerinya Hawrān sahaja (Al-Nawawi, 1983: 14).

Beliau tidak pernah masuk ke tempat mandi air panas (Ibnu Al-‘Atar, 1991:44). Pakaiannya pula diperbuat daripada kain kapas yang kasar dan serbannya kecil dari kain jenis shabkhitāniyyah. Menurut catatan Muhammad bin ‘Allan dalam *Dalīl al-Fālihiñ* pula, serban beliau diperbuat daripada dari kain jenis sinjabiyah. Ibunya selalu mengirimkan baju gamis dan sebagainya untuk beliau memakainya (Al-Nawawi, 1983: 13-14).

Beliau juga enggan menerima hadiah atau pemberian orang melainkan kalau berhajat itupun setelah dipastikan kedudukan agama orang yang memberi serta agama ibu bapa dan kerabatnya (Al-Nawawiⁱ, 1983: 14). Beliau juga enggan berteduh di bawah kebun orang kecuali setelah mendapat kebenaran daripada tuannya (Hasan Hj. Al-Nawawiⁱ, 1990: 42).

Semasa beliau dilantik sebagai pengajar di Dar al-Hadith di Ashrāfiyyah dan pusat-pusat pengajian yang lain dalam tahun 665H, beliau bersetuju tetapi enggan mengambil sebarang ganjaran daripada pengajarannya sehingga halal beliau wafat. Bahkan beliau mengumpulkan segala peruntukan tahunan yang disediakan oleh madrasah kepadanya untuk membeli kitab-kitab yang kemudiannya dihadiahkan dan diwakafkan kepada perpustakaan madrasah (Al-Nawawiⁱ, 1983: 9).

Peribadi yang diceritakan di atas menunjukkan kepada kita tentang sifat warak dan zuhud Al-Imām Al-Nawawi dalam kehidupan dunia. Peribadi ini menjadikan beliau benar-benar tokoh yang dihormati dan disanjung kerana keteguhannya peribadi yang berpegang teguh kepada agama yang lurus. Ia juga menunjukkan contoh kehidupan zuhud yang sebenar yang menyebabkan beliau telah meninggalkan kelazatan dan kemewahan dunia sehingga beliau hidup membujang sepanjang hayat. Tidak ada masa baginya untuk memikirkan soal berumahtangga kerana hidupnya sibuk dengan belajar, menulis dan mengajar bermacam-macam ilmu pengetahuan Islam.

2.2.3.3 Keramat Al-Imām Al-Nawawi

Ibnu Al-Attar menceritakan pengalaman gurunya iaitu Wali Al-Dīn Abū Al-Hasan Ali yang diserang sakit pada dua belah kakinya. Kemudian Al-Imām Al-Nawawi menziarahi beliau lalu duduk di sisi Wali Al-Dīn dan bercakap-cakap tentang kesabaran. Anehnya setiap kali beliau bercakap, mulailah kesakitan Wali Al-Dīn beransur hilang

sedikit demi sedikit. Sedangkan sebelum kedatangannya, Wali Al-Dīn sering tidak dapat tidur sepanjang malam kerana menahan kesakitan. Wali Al-Dīn tahu bahawa beliau sembuh daripada kesakitan itu adalah kerana keberkatan Al-Imām Al-Nawawī (Ibnu Al-^cAtar, 1991: 43-44).

Ibn Al-Wardī pula menceritakan bahawa terdapat beberapa perkara yang diceritakan oleh gurunya Sheikh Al-Sharaf Al-Bārizī kepadanya pada bulan Zulkaedah tahun 723H antaranya, beliau bermimpi melihat Al-Imām Al-Nawawī dan bertanya kepadanya mengenai puasa sepanjang masa. Al-Imām Al-Nawawī menjawab bahawa terdapat 12 pendapat ulama yang menjelaskan perkara ini. Apabila Al-Barizi terjaga daripada tidurnya beliau mendapati apa yang dikatakan oleh Al-Imām Al-Nawawī itu adalah benar berlaku setelah dikaji selidik, kerana beliau tidak pernah melihat beberapa pendapat ini terkumpul di dalam sebuah kitab.

Kekeramatian beliau yang lain pula ialah jari-jarinya bercahaya ketika menulis pada waktu tidak ada lampu (Muhamad bin ^cAllan, t.t: 7; Hasan Hj. Al-Nawawi, 1990:49). Selain itu, beliau juga pernah melihat Iblis. Beliau pernah menceritakan kepada Al-^cAtar iaitu salah seorang muridnya satu peristiwa beliau melihat iblis. Peristiwa itu berlaku pada satu malam ketika Al-Imām Al-Nawawī sedang berbaring sakit di suffah, sebelah timur Madrasah Al-Rāwahiyyah. Pada masa itu beliau ditemani oleh bapanya, saudara-saudaranya dan kerabat-kerabatnya. Dengan kehendak Allah S.W.T. demamnya pulih secara tiba-tiba. Kemudian datang keinginannya untuk berzikir lalu beliau terus bertasbih. Apabila sampai waktu tengah malam atau hampir tengah malam, beliau terlihat dalam samar-samar kegelapan seorang tua yang tampan wajahnya sedang berwuduk. Apabila selesai berwuduk, orang tua itu datang kepada Al-Imām Al-Nawawī yang sedang bertasbih dan berkata, "Wahai anakku, Janganlah kamu berzikir kepada Allah! Ini mengganggu tidur bapamu, saudara-saudaramu, keluargamu dan

semua yang ada di dalam madrasah ini". Lalu beliau bertanya, "Wahai orang tua! Siapakah engkau?" Orang tua itu menjawab, "Aku yang menasihatimu, tak perlulah engkau mengetahui siapa aku". Tahu lah beliau bahawa orang tua tersebut adalah iblis, lalu beliau berdoa, "Aku berlindung kepada Allah daripada syaitan yang direjam". Beliau melaungkan suaranya dengan tasbih. Lantas orang tua tersebut berpaling daripada beliau dan melangkah menuju ke penjuru pintu madrasah. Bapa beliau dan semua para jemaah terbangun kerana terdengar suara Al-Imām Al-Nawawi yang ketika itu sedang berdiri di pintu madrasah. Al-Imām Al-Nawawi cuba melihat dan mencari orang tua tadi di dalam madrasah tetapi sudah tiada. Bapa Al-Imām Al-Nawawi bertanya: "Wahai Yahya! Apa halnya?" Beliau menceritakan peristiwa yang berlaku kepadanya yang menakjubkan mereka. Kemudian mereka semua duduk bertasbih dan berzikir (Al-Suyuti, t.t.: 56).

Ringkasnya, kekeramatan Al-Imām Al-Nawawi membuktikan bahawa beliau bukan sahaja seorang tokoh ilmuan yang dihormati di kalangan manusia bahkan beliau adalah seorang tokoh yang dekat dengan Allah S.W.T dan dikasihinya sehingga diberikan beberapa keistimewaan, kelebihan dan keberkatan di kalangan manusia.

2.2.4 Karangan beliau

Al-Imām Al-Nawawi telah menyusun kitab yang berkaitan dengan Al-Quran, Al-Hadis, Fiqh, akidah dan lain-lain. Kebanyakkan kitab beliau telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia antaranya ialah, al-Azkār (الذكريات), al-Daqā'iq (الدقائق), al-Ijāz Fi al-Manasik (إجازة في المساجد), al-Idāh Fi al-Manasik (إذاعة في المساجد), al-Irshād (الرشاد), al-Isharah Ilā Bayān Asma' al-Mubhimāt Min Rijāl al-Hadīth (إشارات إلى أسماء المهمات من رجال الحديث), al-Majmū' (المجموع), al-Muhadzdzb Ilā al-Mu'arrab (المهدى إلى المترقب), al-Taqrīb Wa al-Taisir Fi Muṣṭalih al-Hadīth (التفريغ والتيسير في مُستلهم الحديث), al-Manasik al-Thālith Wa al-Rābi' Wa al-Khāmis Wa

al-Sādis (السَّرَّارُ فِي الْفِقْهِ), al-Manthūrāt Fī al-Fiqh (المنثُرَاتُ فِي الْفِقْهِ), Minhāj al-Tālibīn (مِنْهَاجُ الطَّالِبِينَ), al-Maqāsid Fī al-^cAqīdah Wa al-Tauhīd (الْمَقَاصِدُ فِي الْإِيمَانِ وَالْتَّوْحِيدِ), al-Minhāj Fī al-Fiqh (الْمَهَاجُ فِي الْفِقْهِ), al-Minhaj Sharh Ṣohīl Muslim (الْمَهَاجُ شَرْحُ مُسْلِمٍ شَرْحُ شِیْخِ الْمُسْلِمِ), al-Rawdah Fī Mukhtaṣar Sharh Al-Rāfi^ci (الرَّوْدَةُ فِي مُخْكَثَرِ شَرْحِ الرَّافِعِ), al-Tahrīr Fī al-Alfāz al-Tanbīh (الْتَّهْرِيرُ فِي تَهْرِيرِ الْأَلْفَاظِ فِي تَهْرِيرِ الْأَنْوَافِ), al-Taisir Fī Mukhtaṣar al-Iṛshād Fī ^cUlūm al-Hādiث (الْتَّاسِيرُ فِي مُخْكَثَرِ إِرشَادِ فِي عِلْمِ الْحَدِيثِ), al-Tibyān Fī Adab hamlat Al-Qurān Wa Mukhtaṣarihi (الْتَّبْيَانُ فِي أَذْبَابِ حَمْلَةِ الْقُرْآنِ وَمُخْكَثَرِهِ), al-Umdah Fī Ṣohīl al-Tanbih (كَبُّ الْفَوْرَى), Kitāb al-Fatāwā (الْكِتَابُ فِي مَسْبِحِ الشَّيْءِ), Kitāb al-Hadīth al-Arbai^cin (كَبُّ الْحَدِيثِ الْأَرْبَاعِينَ), Kitāb al-Qiyām (كَبُّ الْقِيَامِ), Manār al-Hudā (مَنَارُ الْهُدَى), Mas' alat al-Ghanīmah (مسْلِهُ الْغَنِيمَةِ), Rawdat al-Tālibīn Fī al-Fiqh (رَوْدَةُ الطَّالِبِينَ فِي الْفِقْهِ), Riyāḍ al-Ṣolihīn min Kalām Sayyid al-Mursalin (رِيَاضُ الصَّالِحِينَ بَنْ كَلَامِ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ), Sharh al-Muhazzab Li Al-Syīrāzī (شَرْحُ الْمُهَازِبِ لِيَحْمَدِ الْمُهَازِبِ), dan Tahdzīb al-Asmā' Wa al-Lughāt (تَهْذِيبُ الْأَسْمَاءِ وَالْلُّغَاتِ) (Al-Nawawī, 1983: 19 & Ibnu Al-^cAtar, 1991: 46).

Terdapat juga kitab-kitab beliau yang tidak sempat disiapkan tetapi telah disempurnakan oleh ulama selepasnya. Antaranya, Sharh al-Muhadzdzb (شَرْحُ الْمُهَذَّبِ), al-Tahqīq Li Muhadzdzb (تَحْقِيقُ الْمُهَذَّبِ), Sharh ^cAlā al-Tanbih (شَرْحُ فَلَى الْتَّهْبِيَّةِ), Sharh ^cAla al-Wasiṭ (شَرْحُ عَلَى الْوَسِيَّةِ), dan al-Ishārāt Ilā mā Waqa^ca fi al-Rawdah Min al-Asmā' Wa al-Ma^cāni wa al-Lughāt (إِشَارَاتٌ إِلَى مَا وَقَعَ فِي الرُّوْضَةِ بَيْنَ الْأَسْمَاءِ وَالْمَنَابِعِ وَالْلُّغَاتِ) (Al-Nawawī, 2000: ix).

2.3 Pandangan ulama terhadap Al-Imām Al-Nawawī

Ketokohan dan kewibawaan beliau telah banyak diperkatakan oleh para ulama muktabar dahulu dan sekarang. Antara ulama silam yang menkagumi beliau ialah Abū Abdullah Syamsuddīn Muhammad Al-Zahabī, Ibnu Al-^cAtar, Syaikh Al-Rasyad Ibnu

Al-Mu^callim, Al-Sheikh Syamsuddin Ibnu Al-Fakhri Al-Hambali, Al-Hafiz Ibnu Kathir dan Syeikh Tājuddin Abī Nasr Abd. Wahāb bin ‘Alī bin Abd Al-Kāfi Al-Subki.

Manakala di kalangan ulama masyhur pada zaman ini antaranya ialah Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Mahyuddin Mustawin, Ali Al-Syirbiji, Muhammad Amin Lutfi dan Ahmad Ratib Hamus.

2.3.1 Pandangan ulama Silam terhadap Al-Imam Al-Nawawi

Al-Imām Abū Abdullah Syamsuddin Muhammad Al-Zahabi yang meninggal dunia pada 748H, mengakui ketokohan Al-Imām Al-Nawawi dengan menyatakan bahawa beliau adalah seorang Imam yang hafiz serta menjadi ikutan ramai, Syeikh al-Islām dan tokoh auliya' (Hashim Hj. Yahya, 1990: 1)

Ibnu Al-^cAtar pula mengatakan, "Beliau adalah seorang yang kuat bermujahadah, warak, muraqabah dan sentiasa membersihkan hati nuraninya daripada segala sifat buruk. Beliau adalah seorang hafiz serta pakar dalam bidang hadith, cabang-cabangnya, rijal al-Hadith, sahihnya dan ^calilnya." (Hashim Hj. Yahya, 1990: 1-2).

Syaikh Al-Rasyad Ibnu Al-Mu^callim pula menceritakan bahawa beliau pernah menegur Al-Imām Al-Nawawi tentang keengganannya masuk ke bilik air (umum) dan menegur tentang tabiat beliau yang mengenepikan keperluan makan minum, pakaian dan urusan hariannya. Ini kerana tabiat itu boleh memudaratkan dirinya seterusnya mengganggu pekerjaannya. Namun, beliau menyatakan bahawa ada insan lain yang berpuasa dan beribadah sehingga hijau kulit badannya (lebih kuat beribadat daripadanya) (Hashim Hj. Yahya, 1990: 2).

Al-Sheikh Syamsuddin Ibnu Al-Fakhri Al-Hambali pula berkata: "Beliau adalah seorang Imam yang pintar dan hafiz, mendalami dan menguasai berbagai-bagai bidang

ilmu pengetahuan serta mengarang berbagai-bagai kitab. Beliau seorang yang sangat warak, zuhud serta meninggalkan segala kelazatan makan dan minum melainkan kuih dan buah tin yang dibawa oleh bapanya sahaja. Beliau suka memakai pakaian yang lusuh dan bertampung, tidak masuk ke bilik air awam, tidak memakan buah-buahan dan tidak pernah menerima pemberian daripada mana-mana pihak walau satu dirham sekalipun.” (Hashim Hj. Yahya, 1990: 2)

Al-Hafiz Ibnu Kathir yang meninggal dunia pada tahun 740H memperakui ketokohan Al-Imām Al-Nawawi dengan katanya, “Beliau adalah seorang ‘allamah, syeikh mazhab dan seorang ulama besar fiqh di zamannya, menghafaz Al-Quran kemudian membaca Kitab Tanbih. Sesudah mendalami dan menguasai pelbagai bidang ilmu, barulah beliau mula mengarang. Ada penulisannya yang sempat dihabiskan dan ada pula yang tidak sempat dihabiskan. Antara penulisan yang sempat dihabiskan ialah Sharah Muslim al-Rauḍah, al-Minhāj, al-Riyād al-Šolihin, al-Azkār, al-Tibyān, Tahrīr al-Tanbih Wa Taṣhiḥiḥi, Tahzīb al-Asma’ wa al-Lughāt, Tabaqāt al-Fuqahā’ dan lain-lain. Di antara penulisan yang tidak sempat dihabiskan dan jika dihabiskan sudah tentu terlalu bernilai iaitu Sharh al-Muhadzdzb yang dinamakan al-Majmū’.” Seterusnya, Ibnu Kathir menambah, “Beliau seorang yang sangat tinggi zuhudnya, kuat beribadah, warak serta sentiasa mengasingkan diri daripada orang ramai dan tidak ada seorang faqih pun yang dapat menandinginya. Beliau berpuasa sepanjang tahun, tidak pernah menghimpun dua jenis lauk pada satu masa dan makanan hariannya ialah apa yang dibawa oleh bapanya dari Nawa. Beliau juga tidak pernah mensia-sikan masanya malah sentiasa menjalankan tugas amal makruf nahi mungkar kepada raja-raja dan orang lain.” (Hashim Hj. Yahya, 1990: 3-4)

Al-Subki ada menulis tentang Al-Imām Al-Nawawi. Antaranya, “Beliau adalah seorang ikutan yang menjaga diri daripada dipengaruhi hawa nafsu, berjiwa halus,

zuhud, tidak mementingkan dunia. Beliau sentiasa meletakkan agama di tempat yang wajar. Al-Subkī juga menulis bahawa Al-Imām Al-Nawawī juga bersifat qanā'ah dan sentiasa mengikut jejak al-Sālifīn daripada Ahli Sunnah dan Jamaah, yang sabar di atas berbagai-bagai kebaikan, sentiasa menghabiskan masanya dengan ketaatan, di samping menguasai pelbagai bidang ilmu pengetahuan, fiqh, matan-matan hadith, Asma' al-Rijāl, bahasa, tasawwuf dan lain-lain" (Hashim Hj. Yahya, 1990: 4).

2.3.2 Pandangan ulama sekarang terhadap Al-Imam Al-Nawawī

Antara ulama zaman sekarang yang mensyarahkan Kitāb Riyād al-Ṣolihin seperti Ahmad Ratib Hamus (1983 :7), menyatakan bahawa, Al-Imām Al-Nawawī merupakan Imam di dalam bidang fiqh, hadith dan bahasa, yang mengibarkan bendera Islam yang suci, menjelaskan keindahan Islam dan kehebatannya, menyeru kepada pegangan pengajaran yang suci dan prinsip-prinsip yang asli, serta merupakan seorang mujahid sebenar di dalam menegakkan agama Allah S.W.T. Beliau tidak melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah, zuhud dengan kehidupan dunia dan selalu memperjuangkan kalimah hak.

Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Mahyuddin Mustawin, Ali Al-Syirbījī dan Muhammad Amin Lutfi (1992: 12) pula bersepakat menyatakan bahawa, Al-Imām Al-Nawawī adalah merupakan ketua dalam zuhud, ikutan dari segi kewarakan, tidak ada tolok banding dalam memberi nasihat kepada pemerintah dan dalam menjalankan tugas amar makruf dan nahi munkar.

Perbincangan tentang riwayat hidup Al-Imām Al-Nawawī dan pandangan ulama terhadapnya sepetimana yang dibentangkan di atas boleh memberikan kita bukti yang jelas tentang ketokohan beliau yang dihormati bukan sahaja oleh ulama yang sezaman dengan beliau bahkan sehingga kepada ulama terkemudian. Dengan mengetahui

ketokohan beliau ini, dapat diketahui kedudukan beliau di kalangan para sarjana Islam. Seterusnya hal ini dapat memperakukan hasil-hasil karya beliau seperti Kitāb Riyāḍ Al-Šolihīn di mana kitab ini mampu memberikan manfaat yang besar jika dikaji dengan mendalam.

2.4 Pandangan Ulama Terhadap Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn

Untuk menilai kehebatan Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn susunan Al-Imām Al-Nawawī, penulis telah menyorot pandangan-pandangan ulama terhadap kitab tersebut.

Pentahkik utama teks Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn iaitu Ahmad Ratib Hamus (1983: 7) menyifatkan, Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn karangan Al-Imām Al-Nawawī dipenuhi dengan seruan kepada manusia dengan kehidupan yang direhui Allah S.W.T. Antara seruannya ialah berjihad terhadap musuh dan kebatilan, menegakkan kebenaran dan keadilan, mempertingkatkan jiwa ke peringkat yang tertinggi dalam perhubungan kepada Allah S.W.T. dan mendapat keredhaaNya, menyuruh yang makruf dan mencegah yang mungkar, keimanan kepada Allah S.W.T. serta berpegang dengan syariat agama berdasarkan nas Al-Quran dan Hadith. Oleh sebab itu menurut beliau, Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn karangan Al-Imām Al-Nawawī dianggap sebagai kebun yang hijau tempat kehidupan orang mukmin yang dipetik daripada cahaya hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang agung yang menyinarkan semua jalan kehidupan.

Muhamad ‘Alān (t.t.: 14/1) memberikan komen beliau yang menjelaskan bahawa Al-Imām Al-Nawawī telah mengumpulkan (di dalam Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn) apa yang diperlukan oleh manusia dalam setiap perkara dan merangkumi semua akhlak Rasulullah s.a.w yang perlu dicontohi. Himpunan di dalamnya juga yang memenuhi ilmu pengetahuan yang diceruk daripada Al-Quran dan sunnah kenabian.

Ali Abd. Al-Hamid salah seorang pentahkik *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn* pula menyebut dalam mukaddimahnya, bahawa kitab itu dianggap sebagai kitab kedua pegangan umat Islam selepas Al-Quran kerana Al-Imām Al-Nawawi telah memuatkan hadith-hadith pilihan di dalamnya yang ditapis daripada kitab-kitab hadith yang utama untuk dihuraikan di bawah tajuk-tajuk perbahasannya. Perbahasan yang diutarakan pula begitu tersusun dan lengkap, mudah difahami oleh semua peringkat masyarakat dan sesuai digunakan sepanjang zaman. Beliau menambah bahawa ulama-ulama dan seluruh umat Islam telah sepakat menerima *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn* sebagai kitab yang digemari dan dijadikan sebagai kitab panduan umum (Al-Nawawi, 1995: 7). Di akhir mukaddimahnya beliau menyebut bahawa kitab dan makalah yang dihasilkan oleh Al-Imām Al-Nawawi mempunyai keistimewaan yang tiada tandingannya (Al-Nawawi, 1995: 8).

Mustafa Said Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Mahyuddin Mustawin, Ali Al-Syirbiji dan Muhammad Amin Lutfi (1992: 8) menyatakan bahawa Al-Imām Al-Nawawi telah memilih warisan hadith nabi s.a.w di dalam tajuk-tajuk yang pelbagai di dalam *Kitāb Riyāḍ al-Šolihīn*. Beliau mengumpulkan kira-kira hampir 2000 hadith yang dipilih daripada kitab-kitab sahih dan kitab-kitab yang dipegang sebagai hadith yang suci, sehingga menghasilkan satu kitab yang diterima oleh semua umat Islam. Penerimaan ini disebabkan kitab ini menjadi pertunjuk kenabian, dan mampu memberi kesan yang mendalam kepada jiwa manusia di dalam pengislahan dan panduan dari segi akhlak dan lain-lain aspek dalam kehidupan.

2.5 Kesimpulan

Keperibadian Al-Imām Al-Nawawi selaku ulama yang berwibawa telah diterima dengan baik di kalangan sarjana dan umat Islam. Penghormatan ini diberikan hasil

daripada kesempurnaan sifat-sifat warak, zuhud dan dekatnya dengan Allah S.W.T yang mampu menjadi contoh dan ikutan kepada umat Islam.

Ketinggian ilmu dan ketokohn beliau dalam memandu manusia pula telah dijelmakan dengan penghasilan banyak kitab-kitab yang mampu membantu dan memberikan insan jalan keilmuan dan pembangunan dalam pelbagai aspek kehidupan. Salah satu daripada hasil susunan beliau yang terbaik yang diterima menjadi kitab panduan umum kepada kehidupan setiap insan ialah *Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn*. Kitab ini telah mendapat pujian yang begitu besar di kalangan ulama yang mensyarahkan hasil karya ini kerana, di dalamnya terkandung isi pembangunan insan yang sempurna dengan penggunaan metodologi yang terbaik dalam penyampaiannya.

Pembangunan insan yang terkandung di dalam *Kitāb Riyāḍ al-Ṣolihīn* merupakan satu pembangunan yang lengkap yang merangkumi lapan pembangunan yang utama. Pembangunan ini merangkumi aspek asas yang mesti dibangunkan untuk mendapatkan kebahagian di dunia dan di Akhirat.